

13 FEB 1998

Singapura-lawatan

PERDANA MENTERI SINGAPURA LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong akan melakukan lawatan kerja dua hari ke Malaysia Isnin ini di tengah-tengah kesibukan rundingan di kalangan pemimpin Asean mengenai kegawatan kewangan dan ekonomi di rantau ini.

Goh akan disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setibanya di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah, menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini.

Kedua-dua pemimpin kemudian akan beredar ke Pejabat Perdana Menteri untuk satu pertemuan yang akan menumpukan kepada keadaan kewangan dan ekonomi dan usaha-usaha meningkatkan perdagangan antara Asean dan menggalakkan penggunaan matawang rantau ini.

Perbincangan dua hala juga dijangka berbangkit pada pertemuan di antara Dr Mahathir dan Goh, yang kali terakhir bertemu enam hari lalu di Singapura.

Ini merupakan pertemuan ketiga mereka setakat ini pada tahun ini. Sebelum ini mereka bertemu di Johor Baharu pada 20 Jan.

Dr Mahathir dan Goh juga merupakan di antara pemimpin Asean yang telah melawat Jakarta untuk membincangkan isu-isu ekonomi dengan Presiden Suharto. Indonesia dan Thailand terjejas teruk oleh krisis itu dan telah memohon bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa.

Negara-negara Asean telah membincangkan dengan panjang lebar cara-cara untuk meningkatkan perdagangan antara Asean dengan menggunakan matawang mereka sendiri berikutan kemerosotan nilai matawang masing-masing berbanding dolar Amerika.

Minggu lepas, Dr Mahathir berkata selepas pertemuannya dengan rakan sejawatannya dari Thailand, Chuan Leekpai di Bangkok, bahawa Malaysia, Thailand dan Indonesia telah bersetuju mewujudkan rumah penjelasan bagi perdagangan antara Asean dengan menggunakan matawang masing-masing.

Dr Mahathir juga melahirkan harapan agar negara-negara Asean yang lain menerima idea itu.

Goh akan diiringi isterinya, Menteri Luar S.Jayakumar dan rombongan pegawai kanan dari pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Luar.

Dr Mahathir akan meraikan Goh pada jamuan malam di Sri Perdana pada hari Isnin.

Goh juga dijadual melawat Cyberjaya, bandaraya multimedia berteknologi tinggi Malaysia di pinggir ibunegara, Kuala Lumpur City Centre dan All-Asia Broadcast Centre (Astro).

Goh dan rombongannya dijangka pulang ke Singapura dengan menggunakan jalan darat dan akan singgah di Melaka di mana beliau diraikan pada jamuan tengah hari oleh Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Beliau akan juga melawat beberapa tapak perindustrian di Melaka sebelum berlepas pulang ke Singapura melalui laluan kedua antara Malaysia dan Singapura yang baru dibuka di Gelang Patah. -- BERNAMA

TCL AKD